

Firma asing mahu pasang kereta di Malaysia

SYARIKAT automotif dari luar negara kini merancang menubuhkan kemudahan pengeluaran atau pemasangan di Malaysia berikutan liberalisasi sektor automotif negara, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Dengan 2010 semakin hampir, mereka sudah pun membuat perancangan. Mereka mahu melihat bagaimana mereka boleh menempatkan operasi besar di Malaysia bagi mereka pasaran negara ini, iaitu pasaran kereta penumpang terbesar di Asean," katanya.

Rafidah berkata, malah pengeluar kereta China turut berminat mempunyai operasi di Malaysia, setelah mengetahui bahawa negara itu mempunyai capaian pasaran.

"Di bawah Dasar Automotif Nasional (DAN), bermula 2011, kereta buatan luar negara boleh memasuki Malaysia tanpa sebarang halangan kawal seliaan," katanya kepada 308 peserta seminar 'Peluang Perniagaan di Malaysia' di Irvine, California apabila ditanya mengenai potensi perniagaan eksport kereta di Malaysia dengan wujudnya DAN.

Bagaimanapun, dalam usaha melindungi pengeluar kereta nasional Proton dan Perodua, masih ada langkah seperti keperluan mempunyai permit import (AP) untuk membawa masuk kereta dari luar negara.

"Bagi syarikat automotif yang mahu memasang kereta di Malaysia, kami mempunyai nisbah 80:20, yang mana 80 peratus daripada kereta yang dipasang hendaklah bagi pasaran eksport," katanya.

Ini, jelas beliau, kerana masih ada tiga setengah tahun lagi untuk memasuki tempoh perlindungan bagi industri tempatan.

Rafidah berkata, Proton kini tahu di mana ia berdiri dan telah melancarkan rancangan mengeksport.

Selain itu, beliau berkata, Malaysia juga mempunyai aktiviti sokongan lain bagi industri automotif sebagai dana untuk industri itu menjalankan penyelidikan dan pembangunan. - Bernama